

# BAB 6 AKAUN KELAB DAN PERSATUAN

## 6.1 Pengenalan Kepada Akaun Kelab Dan Persatuan

### i. Rancangan Mengajar

Mata Pelajaran	: Prinsip Perakaunan
Tarikh / Hari	: 6 Oktober 2005 / Selasa
Tingkatan	: 5
Masa	: 30 minit
Tajuk	: Pengenalan kepada Akaun Kelab dan Persatuan <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pengertian Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966.</li> <li>ii. Ciri-ciri Akaun Kelab dan Persatuan berserta contoh.</li> <li>iii. Sumber Hasil dan Belanja.</li> </ol>
Objektif	: Di akhir pengajaran, pelajar dapat : <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Memberi takrif Akaun Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966. (Aras 1)</li> <li>b. Menyenaraikan ciri-ciri Akaun Kelab dan Persatuan. (Aras 1)</li> <li>c. Mengenalpasti dan menyatakan sumber hasil dan jenis belanja. (Aras 2)</li> </ol>
Pengetahuan sedia ada	: Pelajar telah belajar mengenai: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Mengetahui mengenai kelab dan persatuan .</li> <li>b. Membezakan sumber hasil dan jenis belanja di dalam kelab dan persatuan.</li> </ol>
ABM	: Kertas mahjong, kertas berwarna, manila kad ,kad jawapan, dan lembaran kerja
Nilai murni	: Bekerjasama, tolong-menolong, bertimbang rasa, jujur, teliti, bertanggungjawab dan berhati-hati.
KBKK	: Kefahaman, mengenalpasti, membuat klasifikasi/kategori, membeza dan menjana idea.

### AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Langkah / masa	Isi kandungan	Aktiviti guru	Aktiviti pelajar	Strategi/kaedah/ ABM/nilai/KBKK
Set Induksi (4 minit)	Bacaan doa Pengenalan	Membuat teka silang kata berkenaan dengan topik yang ingin diajar.  Meminta murid memberikan dua jenis huruf 'vowel' dan empat jenis huruf 'consonant'.	Pelajar memberikan jenis huruf yang diminta dan cuba menyelesaikan teka silang kata tersebut.	Strategi : Berpusatkan pelajar. Kaedah : Kaedah penyoalan. ABM : Manila kad. Nilai : Bekerjasama, bersungguh-sungguh, dan berhati-hati. KBKK : Berfikir dan optimistik.
Langkah 1 (7 minit)	Peta Konsep tentang Pengenalan kepada Akaun Kelab dan Persatuan.	Guru menunjukkan peta konsep berkenaan dengan topik yang perlu dipelajari.	Pelajar mendengar penjelasan daripada guru.  Pelajar cuba memberi pendapat	Strategi : Berpusatkan guru dan pelajar. Kaedah : Pengajaran secara kelas dan Mastery. ABM : Kertas mahjong dan manila kad.

	<p>Pengertian Akaun Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966.</p> <p>Ciri-ciri Kelab dan Persatuan beserta contoh.</p>	<p>Guru menjelaskan pengertian Akaun Kelab dan Persatuan mengikut Akta Pertubuhan 1966.</p> <p>Guru menerangkan ciri-ciri yang terdapat pada Kelab dan Persatuan sambil menunjukkan contoh-contoh yang sesuai.</p> <p>Guru meminta pelajar memberikan contoh-contoh lain yang sesuai.</p>	<p>dan pandangan.</p> <p>Memahami dan cuba membina kefahaman sendiri serta pelajar cuba mengemukakan soalan pada bahagian yang tidak difahami.</p>	<p>Nilai : Teliti dan berhati-hati.</p> <p>KBKK : Berfikir dan mengenalpasti.</p>
Langkah 2 (7 minit)	<p>Menerangkan sumber hasil dan jenis perbelanjaan di dalam Akaun Kelab dan Persatuan.</p>	<p>Guru menerangkan sumber hasil dan jenis perbelanjaan.</p> <p>Guru bertanya kepada pelajar apakah contoh-contoh yang sesuai dikaitkan dengan sumber hasil dan jenis perbelanjaan.</p>	<p>Pelajar mendengar penjelasan daripada guru.</p> <p>Pelajar memberikan contoh-contoh sumber hasil dan jenis belanja.</p>	<p>Strategi : Berpusatkan guru dan pelajar.</p> <p>Kaedah : Penerangan secara kelas.</p> <p>ABM : Kertas mahjong.</p> <p>Nilai : Teliti, berhati-hati, dan bekerjasama.</p> <p>KBKK : Kefahaman, mengenalpasti dan membeza.</p>
Langkah 3 (7 minit)	<p>Kerja berkumpulan</p>	<p>Guru meminta pelajar membentuk empat kumpulan dan membincangkan soalan yang diberikan oleh guru dalam kumpulan masing-masing.</p> <p>Guru meminta wakil daripada setiap kumpulan untuk tampil ke hadapan untuk</p>	<p>Pelajar duduk dalam kumpulan masing-masing.</p> <p>Setiap kumpulan cuba menjawab soalan yang diberikan.</p> <p>Wakil kumpulan tampil ke hadapan memberikan jawapan.</p>	<p>Straregi : Berpusatkan pelajar.</p> <p>Kaedah : perbincangan berkumpulan.</p> <p>ABM : Kertas mahjong, kertas berwarna, lembaran kerja dan kad jawapan.</p> <p>Nilai : Bekerjasama, bertolak-ansur, menjana idea dan bersungguh-sungguh, bertanggungjawab, dan berhati-hati.</p> <p>KBKK : Kefahaman, mengenalpasti dan membezakan.</p>

		menampal kad jawapan pada ruang jawapan yang disediakan.		
Penutup (5 minit)	Membuat rumusan.	<p>Guru memberi soalan kuiz untuk menguji kefahaman pelajar.</p> <p>Guru membincangkan jawapan untuk soalan kuiz bersama-sama pelajar.</p> <p>Guru membuat rumusan tentang topik pembelajaran hari ini.</p> <p>Guru meminta pelajar supaya membaca terlebih dahulu topik yang akan dipelajari pada minggu hadapan.</p>	<p>Pelajar menjawab soalan kuiz pada masa yang ditetapkan.</p> <p>Pelajar menyemak jawapan dengan cara menukar kertas jawapan dengan rakan sebelah dan memperbaiki kesalahan masing-masing.</p> <p>Pelajar mendengar dengan teliti rumusan secara keseluruhan berkaitan Pengenalan kepada Akaun Kelab dan Persatuan.</p>	<p>Staratgi : Berpusatkan pelajar.</p> <p>Kaedah : Penerangan secara kelas.</p> <p>ABM : Kertas soalan kuiz dan soalan pengukuhan.</p> <p>NILAI : Jujur, berusaha, bertanggungjawab, teliti dan tepat.</p> <p>KBKK : Mengenalpasti dan mengklasifikasi.</p>

**ULASAN PENSYARAH/GURU PEMBIMBING**

---



---



---



---

**REFLEKSI GURU**

---



---



---



---

**ii. Nota**


**PENGERTIAN AKAUN KELAB DAN PERSATUAN DI BAWAH AKTA PERTUBUHAN 1966**

- ✚ Kelab dan Persatuan ialah **organisasi tidak niaga** yang didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan 1966.
- ✚ Tujuan utama penubuhannya **bukan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan** tetapi untuk menjaga kepentingan dan kebajikan ahli-ahlinya serta menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sosial, kebudayaan, rekreasi dan sukan untuk faedah ahli-ahlinya.

**CIRI-CIRI AKAUN KELAB DAN PERSATUAN**

- ✚ Bilangan ahli Kelab dan Persatuan sekurang-kurangnya tujuh orang.
- ✚ Segala aktiviti Kelab dan Persatuan adalah tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966.
- ✚ Walaupun ia bukan bertujuan menjalankan perniagaan namun rekod perakaunan masih perlu disimpan kerana ia melibatkan penerimaan dan pembayaran wang.
- ✚ Buku tunai lejar, buku resit dan baucar bayaran mesti disimpan.
- ✚ Buku akaun perlu disimpan dan bendahari kelab perlu menyediakan laporan kewangan.
- ✚ Laporan kewangan tahunan organisasi mestilah dibentang dalam mesyuarat agung tahunan dan satu salinannya perlu diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan.

**CONTOH KELAB DAN PERSATUAN MENGIKUT AKTIVITI UTAMA**



**SUMBER HASIL DAN JENIS BELANJA**

- ✚ Sumber utama hasil Kelab dan Persatuan adalah daripada yuran yang dibayar oleh ahli-ahlinya serta derma daripada orang awam.
- ✚ Sumber hasil yang lain adalah daripada menyewakan kemudahan kelab misalnya gelanggang, dewan, bilik ceramah kepada orang awam, dan lain-lain sumber.
- ✚ Hasil ini seterusnya digunakan untuk membiayai segala perbelanjaan pengurusan kelab.
- ✚ Kelab dan Persatuan membelanjakan banyak wang untuk menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan sukan untuk ahli-ahlinya, membeli aset bukan semasa, serta membelanjakan wang untuk pengurusan dan penyelenggaraan kelab.

**CONTOH SUMBER HASIL DAN JENIS BELANJA**

<b>SUMBER HASIL</b>	<b>JENIS BELANJA</b>
Yuran tahunan ahli (sumber utama)	Sewa rumah kelab
Yuran masuk	Belian alatan sukan
Yuran Pertandingan	Belanja mesyuarat
Derma (diterima)	Derma (dibayar)
Hasil kutipan pesta ria	Sewa bangunan
Hasil kutipan jualan buku	Belanja pemeliharaan dan penjagaan kawasan kelab/persatuan
Sewa laci almari	Latihan dan kursus
Sewa bilik ceramah	Lawatan
Faedah daripada simpanan tetap	Belian surat khabar dan majalah
Sewa alatan dan pakaian sukan	Belian perabot, alatan dan lekapan

**iii. Soalan-soalan dan jawapan**

**Soalan 1**

**Arahan:** *Klasifikasikan situasi di bawah mengikut Sumber Hasil dan Jenis Belanja.*

1. Persatuan Pengakap telah menerima yuran tahunan ahli sebanyak RM5 setiap orang. \_\_\_\_\_
2. Kelab Hoki sekolah membeli alatan sukan yang baru bagi menggantikan alatan yang tidak boleh digunakan dan yang telah hilang. \_\_\_\_\_
3. Kelab Keusahawanan Sekolah telah menyertai ekspo pesta ria yang berlangsung selama tiga hari anjuran pihak sekolah dan telah menerima kutipan sebanyak RM1000 sebagai hasil jualan mereka baru-baru ini. \_\_\_\_\_
4. Kelab Belia 4B perlu membayar sewa rumah kelab secara bulanan sebanyak RM40. \_\_\_\_\_
5. Kelab Tennis Ipoh telah membelanjakan sebanyak RM10000 untuk kos pembinaan gelanggang tennis bagi kemudahan ahli-ahli kelabnya dan orang awam. \_\_\_\_\_
6. Kelab Perpustakaan menerima hasil daripada penyewaan laci almari yang dikenakan ke atas pengguna. \_\_\_\_\_
7. Kelab Sukan dan Rekreasi menerima yuran pertandingan daripada peserta yang ingin menyertai pertandingan bowling bagi kategori perseorangan dan berkumpulan. \_\_\_\_\_
8. Kelab Perpustakaan Sekolah membayar langganan surat khabar dan majalah secara bulanan kepada Kedai Info Maklumat selaku pembekal. \_\_\_\_\_
9. Kelab Komputer Sekolah telah menerima sumbangan sebanyak RM500 daripada Syarikat Telekomunikasi TMNet untuk tujuan pemasangan internet secara percuma di sekolah. \_\_\_\_\_
10. Kelab Belia 4B telah membelanjakan sebanyak RM100 untuk penyediaan tempat mesyuarat sempena Mesyuarat Agung Kelab yang dilaksanakan baru-baru ini. \_\_\_\_\_
11. Setiap Kelab dan Persatuan Sekolah telah menerima faedah daripada simpanan tetap oleh bank simpanan masing-masing. \_\_\_\_\_
12. Persatuan Sejarah Sekolah telah membelanjakan sebanyak RM500 untuk membiayai latihan dan kursus yang dijalankan di Ayer Keroh, Melaka pada minggu lepas. \_\_\_\_\_
13. Kelab Sukan dan Rekreasi Ipoh telah menerima hasil daripada penyewaan alatan sukan sebanyak RM 500 setahun. \_\_\_\_\_
14. Persatuan Bahasa Melayu telah membiayai perbelanjaan lawatan sambil belajar selama dua hari ke Terengganu sebanyak RM400. \_\_\_\_\_
15. Kelab Tennis Sekolah telah menerima hasil daripada jualan bola tennis terpakai sebanyak RM 300. \_\_\_\_\_
16. Kelab Pencinta Alam Malaysia telah membiayai perbelanjaan pemeliharaan dan penjagaan alam sekitar sebanyak RM 200. \_\_\_\_\_

**Jawapan :**

SUMBER HASIL	JENIS BELANJA
1. Yuran tahunan ahli	2. Belian alatan sukan
3. Hasil kutipan pesta ria	4. Sewa rumah kelab
6. Sewa laci almari	5. Pembinaan gelanggang tenis
7. Yuran pertandingan	8. Belian surat khabar dan majalah
9. Derma (diterima)	10. Belanja mesyuarat
11. Faedah daripada simpanan tetap	12. Latihan dan kursus
13. Sewa alatan sukan	14. Lawatan sambil belajar
15. Hasil jualan bola tenis terpakai	16. Belanja pemeliharaan dan penjagaan kawasan kelab/persatuan

**Soalan 2**

**Arahan:** *Tiap-tiap soalan di bawah ini di ikuti oleh empat jawapan pilihan. Pilih satu Jawapan yang terbaik atau yang paling sesuai bagi tiap-tiap soalan.*

- Antara berikut, manakah merupakan **tujuan utama** penubuhan Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966.
  - Untuk mencari keuntungan terhadap segala aktiviti Kelab dan Persatuan yang dijalankan.
  - Bukan bertujuan untuk mencari keuntungan tetapi untuk menjaga kepentingan dan kebajikan ahli-ahlinya serta menyediakan kemudahan dan mengadakan perkhidmatan sosial, kebudayaan, rekreasi dan sukan.
  - Mementingkan bilangan ahli yang ramai di dalam Kelab dan Persatuan.
  - Untuk menjalankan aktiviti dan program yang banyak setiap tahun.
- Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai Kelab dan Persatuan.
  - Kelab dan Persatuan tidak bermotifkan keuntungan.
  - Segala aktiviti Kelab dan Persatuan tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966.
  - Laporan tahunan kewangan tidak perlu disediakan kerana motif utama kelab bukanlah mencari keuntungan.
  - Sumber utama hasil Kelab dan Persatuan adalah daripada yuran dan derma.
- Pilih pasangan yang **salah**.

	Sumber Hasil	Jenis Belanja
A.	Yuran pertandingan	Belanja mesyuarat
B.	Belanja mesyuarat	Sewa laci almari
C.	Kutipan pesta ria	Latihan dan kursus
D.	Jualan bola tenis terpakai	Lawatan

- Antara berikut, contoh manakah yang **benar** mengenai sumber hasil?
  - Belian alatan dan sukan
  - Yuran tahunan ahli
  - Sewa rumah kelab
  - Belanja mesyuarat



5. Butir-butir berikut merupakan jenis belanja, **kecuali...**

- A. Latihan dan kursus
- B. Belian surat khabar dan majalah
- C. Kutipan jualan bola tenis terpakai
- D. Lawatan

**Jawapan :**

- 1. B
- 2. C
- 3. B
- 4. B
- 5. C

**Soalan 3**

*Arahan:* Tandakan diruang yang disediakan sama ada **Benar** atau **Salah**.

- 1. Tujuan utama penubuhan Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966 untuk mencari keuntungan terhadap segala aktiviti Kelab dan Persatuan yang dijalankan.
- 2. Segala aktiviti Kelab dan Persatuan tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966.
- 3. Sumber utama hasil Kelab dan Persatuan adalah daripada yuran yang dibayar oleh ahli-ahlinya serta derma daripada orang awam.
- 4. Faedah daripada simpanan tetap merupakan jenis belanja.
- 5. Membiayai perbelanjaan pemeliharaan dan penjagaan kawasan Kelab dan Persatuan merupakan jenis belanja.


**Jawapan :**

- 1. Salah
- 2. Benar
- 3. Benar
- 4. Salah
- 5. Benar

**Soalan 4**

**Arahan:** Jawab soalan di bawah.

SUMBER HASIL	JENIS BELANJA
Yuran ahli (sumber utama)	Sewa rumah kelab
Yuran masuk	Belian alatan sukan
Yuran Pertandingan	Belanja mesyuarat
Derma (diterima)	Derma (dibayar)
Hasil kutipan pesta ria	Sewa bangunan
Hasil kutipan jualan buku	Belanja pemeliharaan dan penjagaan kawasan kelab/persatuan
Sewa laci almari	Latihan dan kursus
Sewa bilik ceramah	Lawatan
Faedah daripada simpanan tetap	Belian surat khabar dan majalah
Sewa alatan dan pakaian sukan	Belian perabot, alatan dan lekapan

1. Apakah tujuan utama penubuhan Kelab dan Persatuan?
2. Senaraikan ciri-ciri Akaun Kelab dan Persatuan.
3. Berikan tiga contoh Sumber Hasil dan Jenis Belanja.

**Jawapan :**

1. Tujuan utama penubuhannya bukan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan tetapi untuk menjaga kepentingan dan kebajikan ahli-ahlinya serta menyediakan kemudahan dan perkhidmatan sosial, kebudayaan, rekreasi dan sukan untuk faedah ahli-ahlinya.
  2. a. Bilangan ahli Kelab dan Persatuan sekurang-kurangnya tujuh orang.  
b. Segala aktiviti Kelab dan Persatuan adalah tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966.  
c. Walaupun ia bukan bertujuan menjalankan perniagaan namun rekod perakaunan masih perlu disimpan kerana ia melibatkan penerimaan dan pembayaran wang.  
d. Buku tunai lejar, buku resit dan baucar bayaran mesti disimpan.  
e. Buku akaun perlu disimpan dan bendahari kelab perlu menyediakan laporan kewangan.  
f. Laporan kewangan tahunan organisasi mestilah dibentang dalam mesyuarat agung tahunan dan satu salinannya perlu diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan.
- 
3. Contoh Sumber Hasil dan Jenis Belanja.

# PETA KONSEP

**Pengenalan kepada  
AKAUN KELAB DAN  
PERSATUAN**

**PENGERTIAN  
AKAUN KELAB  
DAN  
PERSATUAN  
DI BAWAH  
AKTA  
PERTUBUHAN  
1966**



**CIRI-CIRI  
AKAUN  
KELAB DAN  
PERSATUAN**

**SUMBER HASIL DAN JENIS  
BELANJA**

## 6.2 Akaun Yuran

### i. Rancangan Mengajar

Mata Pelajaran	: Prinsip Perakaunan
Tarikh / Hari	: 6 Oktober 2005 / Selasa
Tingkatan	: 5
Masa	: 30 minit
Tajuk	: Akaun Yuran
Objektif	: Di akhir pengajaran, pelajar dapat : <ol style="list-style-type: none"> <li>Menyatakan maksud yuran. ( Aras 1 )</li> <li>Menyenaraikan jenis-jenis yuran. ( Aras 1 )</li> <li>Mengira yuran yang sepatutnya dipungut. ( Aras 4 )</li> </ol>
Pengetahuan sedia ada	: Pelajar telah belajar mengenai: <ol style="list-style-type: none"> <li>maksud kelab dan Persatuan</li> <li>sumber-sumber hasil dan belanja</li> <li>maksud pendapatan hasil serta modal dan perbelanjaan hasil modal dalam sesebuah kelab dan persatuan</li> <li>membandingkan perakaunan kelab dan persatuan dengan entiti perniagaan.</li> </ol>
ABM	: Kad manila, kertas majong, white board dan marker.
Nilai murni	: Jujur, bekerjasama, disiplin dan amanah.
KBKK	: Menjana idea, menghubungkan setiap topik, mengaplikasikan ke bentuk soalan dan menganalisis soalan.

#### AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Langkah / masa	Isi kandungan	Aktiviti guru	Aktiviti pelajar	Strategi/kaedah/ ABM/nilai/KBKK
Set Induksi ( 3 minit )	Permulaan	<p>Guru menyuruh 2 orang pelajar melakonkan satu lakonan pendek.</p> <p>Guru bertanya untuk menjana pemikiran pelajar. Antara persoalan yang diutarakan adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Apakah yang diminta oleh</li> <li>Hashim daripada bapanya?</li> <li>Apakah tujuan permintaan Hashim itu?</li> </ol>	<p>Pelajar memberi perhatian terhadap lakonan rakan-rakan itu.</p> <p>Pelajar menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru.</p>	<p>Strategi : Berpusatkan pelajar dan guru.</p> <p>Kaedah : Soal jawab</p> <p>ABM : Wang kertas RM 10.</p> <p>Nilai : Bekerjasama, penyertaan secara aktif dan berani keluarkan pendapat</p> <p>KBKK : Menjana idea.</p>

		Setelah mendapat jawapan daripada murid, guru menerangkan secara umum jawapan terhadap persoalan tersebut dan mengaitkan dengan topik yang akan dipelajari iaitu akaun yuran.		
Langkah 1 (6 minit)	Definisi yuran. Jenis-jenis yuran. Catatan bergu bagi penerimaan yuran daripada ahli.	Guru bertanya kepada pelajar untuk menguji pengetahuan mereka. Antara persoalan yang dikemukakan adalah:  a. Apakah definisi yuran? b. Apakah yang dimaksudkan dengan yuran tertunggak dan yuran terdahulu? c. Apakah catatan bergu bagi penerimaan yuran daripada ahli?  Selepas mendapat jawapan daripada pelajar, guru menjelaskan definisi yuran, yuran tertunggak dan yuran	Pelajar menjawab pertanyaan guru.  Pelajar memberi perhatian dan mendengar penjelasan yang diberikan.  Apabila guru memberi penerangan, pelajar boleh menyoal untuk mendapat pengetahuan selanjutnya.	Strategi : Berpusatkan pelajar, guru dan bahan. Kaedah : Soal jawab dan penerangan. ABM : Kad manila. Nilai : Bekerjasama, penyertaan secara aktif dan berani keluarkan pendapat. KBKK : Menjana idea.

		<p>terdahulu.</p> <p>Guru menerangkan jenis-jenis yuran, catatan bergu bagi penerimaan yuran daripada ahli.</p>		
Langkah 2 (9 minit)	Format akaun yuran.	<p>Guru menunjukkan format akaun yuran dan menerangkan cara menyediakan akaun yuran.</p> <p>Guru menunjukkan contoh soalan dan menerangkan cara menyediakan akaun yuran.</p>	<p>Pelajar memberi perhatian terhadap apa yang diterangkan oleh guru.</p> <p>Pelajar dikehendaki ke hadapan untuk menampal jawapan bagi contoh soalan yang diberi.</p>	<p>Strategi : Berpusatkan pelajar, guru dan bahan.</p> <p>Kaedah : Masteri.</p> <p>ABM : Kad manila, kertas mahjong, white board dan marker.</p> <p>Nilai : Bekerjasama, penyertaan secara aktif dan berani</p> <p>KBKK : Menjana idea, mengaplikasikan dan menganalisis ke bentuk soalan</p>
Langkah 3 (7 minit)	Latihan dalam kumpulan. Merekod ke dalam Akaun Yuran.	<p>Guru meminta pelajar membentuk 4 kumpulan.</p> <p>Setiap kumpulan diberi soalan dan dikehendaki menjawab soalan yang diberi.</p> <p>Selepas menjawab soalan yang diberi, guru meminta salah seorang pelajar keluar ke hadapan untuk membentangkan jawapan.</p>	<p>Pelajar berada dalam kumpulan untuk menjawab soalan yang diberi.</p> <p>Salah seorang pelajar tampil ke hadapan untuk membentangkan jawapannya.</p>	<p>Strategi : Berpusatkan pelajar.</p> <p>Kaedah : Masteri.</p> <p>ABM : Kertas edaran, kertas majong, white board dan marker.</p> <p>Nilai : Bekerjasama, penyertaan secara aktif dan berani tampil ke hadapan.</p> <p>KBKK : Menjana idea, mengaplikasikan ke bentuk soalan dan menganalisis soalan.</p>

Penutup (5 minit)	Kesimpulan	<p>Guru mengedarkan soalan kuiz kepada setiap pelajar. Guru meminta pelajar menjawab dalam masa 2 minit.</p> <p>Selepas selesai menjawab, guru meminta pelajar memberi jawapan yang diperolehi.</p> <p>Kemudian guru bersama pelajar membincangkan jawapan yang diperolehi.</p> <p>Guru membuat rumusan terhadap apa yang telah diajar pada hari tersebut.</p>	<p>Pelajar menjawab soalan kuiz secara individu.</p> <p>Semua pelajar memberi jawapan masing-masing.</p> <p>Pelajar mendengar dengan teliti.</p>	<p>Strategi : Berpusatkan pelajar, guru dan bahan.</p> <p>Kaedah : Pengujian dan penerangan.</p> <p>ABM : Kertas edaran.</p> <p>Nilai : Berdisiplin dan mengikut arahan.</p> <p>KBKK : Menjana idea, mengaplikasikan ke dalam bentuk soalan dan menganalisis soalan.</p>

**ULASAN PENSYARAH/GURU PEMBIMBING**

---



---



---



---

**REFLEKSI GURU**

---



---



---



---

**ii. Nota**

**FORMAT AKAUN YURAN**

Akaun Yuran					
20X5		RM	20X5		RM
Jan.1	Baki b/b ( Yuran Tertunggak)	XXX	Jan.1	Baki b/b ( Yuran terdahulu )	XXX
Dis 31	A/K Pendapatan dan Perbelanjaan	XXX	Dis 31	Tunai/ Bank	
	Yuran terdahulu	XXX		Yuran Lapuk	
				Yuran Tertunggak	
		XXX			XXX
20X6			20X6		
Jan.1	Yuran Tertunggak	XXX	Jan.1	Yuran terdahulu	XXX

**iii. Soalan-soalan dan jawapan**

**Soalan 1**

Berikut ialah petikan daripada buku Kelab Komputer pada 31 Disember 20X3:

Akaun Penerimaan Dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 20X3			
	RM		RM
Yuran tahun 20X2	70		
Yuran tahun 20X3	4,200		
Yuran tahun 20X4	80		
	4,350		
	4,350		

Maklumat tambahan :

(i) Pada 1 Januari 20X3 :

Yuran tertunggak                      RM 110

Yuran terdahulu                        RM 60

(ii) Yuran tertunggak pada 31 Disember 20X3 ialah RM 130.

(iii) Yuran yang masih tertunggak tahun lepas dianggap sebagai lapuk.

**Dikehendaki :**

Sediakan Akaun Yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 20X3



**JAWAPAN :**

Akaun Yuran					
20X5		RM	20X5		RM
Jan.1	Baki b/b ( Yuran Tertunggak)	110	Jan.1	Baki b/b ( Yuran terdahulu )	60
Dis 31	A/K Pendapatan dan Perbelanjaan	4,390	Dis 31	Tunai	4,350
	Yuran terdahulu	80		Yuran Lapuk	40
				Yuran Tertunggak	130
		<u>4,580</u>			<u>4,580</u>
20X6			20X6		
Jan.1	Yuran Tertunggak	130	Jan.1	Yuran terdahulu	80

**Soalan 2**

Kelab Bola Tampar, Perak mempunyai baki-baki yang berikut pada 1 Januari 20X1.

Yuran tertunggak bagi 20X0

RM 170

RM 90

Yang berikut ialah petikan daripada Buku Tunainya pada 31 Disember 20X1

Buku Tunai			
	RM		RM
Yuran tahun 20X2	130		
Yuran tahun 20X3	4,500		
Yuran tahun 20X4	120		
	<u>4,750</u>		<u>        </u>

Maklumat tambahan :

- Pada 31 Disember 20X1, yuran sebanyak RM 60 masih tertunggak bagi tahun 20X1.
- Yuran yang masih tertunggak bagi tahun 20X0 hendaklah dihapuskan sebagai yuran lapuk.

**Dikehendaki :**

Sediakan akaun yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 20X1.

**Jawapan :**

Akaun Yuran					
20X5		RM	20X5		RM
Jan.1	Baki b/b ( Yuran Tertunggak)	170	Jan.1	Baki b/b ( Yuran terdahulu )	90
Dis 31	A/K Pendapatan dan Perbelanjaan	4,650	Dis 31	Tunai	4,750
	Yuran terdahulu	120		Yuran Lapuk	40
				Yuran Tertunggak	60
		<u>4,940</u>			<u>4,940</u>

20X6		20X6	
Jan.1	Yuran Tertunggak	60	Jan.1 Yuran terdahulu
			120

**Soalan 3**

Sediakan Akaun Yuran daripada maklumat berikut :

	RM
Yuran diterima dalam tahun 20X2	12,400
Yuran tertunggak pada 31 Disember 20X2	480
Yuran terdahulu pada 31 Disember 20X2	220

**Jawapan :**

Akaun Yuran			
	RM		RM
20X5		20X5	
Dis 31	A/K Pendapatan dan Perbelanjaan	Dis 31	Tunai
	12,660		12,400
	Yuran terdahulu		Yuran Tertunggak
	220		480
	12,880		12,880
20X6		20X6	
Jan.1	Yuran Tertunggak	Jan.1	Yuran terdahulu
	480		220

**Soalan 4**

Maklumat berikut diberi oleh Lina, bendahari Kelab Bola Jaring:

	1 Jan 20X4	31 Dis 20X4
Yuran terdahulu	RM 130	RM 102
Yuran tertunggak	90	125

Pada tahun 20X4, jumlah yuran yang telah diterima ialah RM 5870

**Dikehendaki :**

Sediakan Akaun Yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 20X4.

**Jawapan :**

Akaun Yuran			
	RM		RM
20X4		20X4	
Jan.1	Yuran Tertunggak	Jan.1	Yuran terdahulu
	90		130
Dis 31	A/K Pendapatan dan Perbelanjaan	Dis 31	Bank
	5,933		5,870
	Yuran terdahulu		Yuran Tertunggak
	102		125
	6,125		6,125
20X5		20X5	
Jan.1	Yuran Tertunggak	Jan.1	Yuran terdahulu
	125		220

**Soalan 5**

Yuran tahunan seorang ahli Kelab Badminton ialah RM 24. Bagi tahun berakhir 31 Disember 20X4, jumlah tunai diterima bagi yuran ialah RM 7000. Pada 31 Disember 20X4, didapati ada 6 orang ahli yang belum membayar yuran mereka dan 3 orang ahli yang telah membayar yuran bagi tahun 20X5.

**Dikhendaki :**


Sediakan Akaun Yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 20X4.

**Jawapan :**

Akaun Yuran			
20X4	RM	20X4	RM
Dis 31 A/K Pendapatan dan Perbelanjaan	7,072	Dis 31 Bank	7,000
Yuran terdahulu	72	Yuran Tertunggak	144
	<hr/>		<hr/>
	7,144		7,144
20X5		20X5	
Jan.1 Yuran Tertunggak	144	Jan.1 Yuran terdahulu	72

iii. Carta Alir

CARTA ALIR



iv. Peta Minda





### 6.3 Penyediaan Akaun Penerimaan Dan Pembayaran

#### i. Rancangan Mengajar

Mata Pelajaran	: Prinsip Perakaunan
Tarikh / Hari	: 6 Oktober 2005 / Selasa
Tingkatan	: 5
Masa	: 30 minit
Tajuk	: Penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran
Objektif	: Di akhir pengajaran, pelajar dapat : <ol style="list-style-type: none"> <li>Merekod item-item yang terdapat di dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran. (Aras 3).</li> <li>Menyediakan akaun penerimaan dan pembayaran dengan lengkap. (Aras 3).</li> </ol>
Pengetahuan sedia ada	: Pelajar telah belajar mengenai: <ol style="list-style-type: none"> <li>pengertian kelab dan persatuan mengikut Akta Pertubuhan 1966.</li> <li>sumber hasil dan belanja yang berkaitan.</li> <li>akaun yuran dan penyediaannya.</li> </ol>
ABM	: Kertas mahjung, kad manila, <i>sugar paper</i> dan kertas berwarna.
Nilai murni	: Menghormati guru, kerjasama, tekun, jujur dan rajin.
KBKK	: Menyusun maklumat mengikut arahan, mengenal pasti idea utama dan mengaplikasi

#### AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Langkah / masa	Isi kandungan	Aktiviti guru	Aktiviti pelajar	Strategi/kaedah/ ABM/nilai/KBKK
Set induksi ( 3 minit)	Permulaan	Guru memulakan kelas dengan bacaan doa.  Guru menguji kefahaman pelajar dengan mengimbas semula pelajaran lepas dengan menyoal pelajar.	Pelajar membaca doa.  Pelajar memberi respon dengan menjawab soalan yang diberikan.	Strategi : Berpusatkan pelajar. Kaedah : Penyoalan. ABM : Kad manila dan <i>sugar paper</i> . Nilai : Menghormati guru. KBKK : Pelajar mendapat gambaran awal tentang topik tersebut dan menghubungkait pelajaran dan menjana minda pelajar.
Langkah 1 ( 5 minit)	Pengenalan kepada Akaun Penerimaan dan Pembayaran (Akaun Bank)	Guru menyoal secara umum apa yang difahami oleh pelajar mengenai Akaun Penerimaan dan Pembayaran.  Guru menerangkan secara ringkas mengenai Akaun Penerimaan dan Pembayaran	Pelajar menjawab dengan bersungguh-sungguh.  Pelajar memberikan tumpuan terhadap penerangan guru.  Guru memberikan peluang untuk pelajar mengemukakan sebarang soalan sekiranya pelajar tidak faham.	Strategi : Berpusatkan guru dan pelajar. Kaedah : Penerangan dan soal jawab. ABM : Kertas mahjung. Nilai : Menghormati guru dan yakin pada diri sendiri. KBKK : Berfikir dan memahami.

<p>Langkah 2 (10 minit)</p>	<p>Penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran.</p>	<p>Guru menunjukkan format Akaun Penerimaan dan Pembayaran dan langkah-langkah penyediaannya.</p> <p>Guru menunjukkan ilustrasi soalan Akaun Penerimaan dan Pembayaran.</p> <p>Guru bersama-sama pelajar membincangkan jawapan.</p>	<p>Pelajar memberikan tumpuan terhadap penerangan yang disampaikan oleh guru.</p> <p>Pelajar diberi peluang untuk mengemukakan soalan untuk bahagian yang tidak difahami.</p> <p>Pelajar mengambil bahagian dengan menjawab soalan yang diberikan oleh guru.</p>	<p>Strategi : Berpusatkan guru dan pelajar.</p> <p>Kaedah : Penerangan dan soal jawab.</p> <p>ABM : Gambar rajah format Akaun Penerimaan dan Pembayaran (kertas mahjung) dan contoh soalan.</p> <p>Nilai : Menghormati guru, rasional dan tepat.</p> <p>KBKK : Membezakan dan merekod item-item yang terlibat dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran.</p>
<p>Langkah 3 (9 minit)</p>	<p>Latihan (Aktiviti kumpulan)</p>	<p>Guru mengedarkan kertas soalan latihan.</p> <p>Guru meminta pelajar membentuk kumpulan untuk membincang soalan yang diberi.</p> <p>Guru membimbing pelajar untuk menjawab soalan latihan.</p> <p>Guru meminta pelajar membentangkan jawapan dan meminta pelajar lain menyemak jawapan masing-masing.</p>	<p>Pelajar membentuk kumpulan dan berbincang untuk menyelesaikan soalan yang diberi oleh guru.</p> <p>Pelajar berbincang dalam kumpulan untuk menjawab soalan yang diberikan.</p>	<p>Strategi : Berpusatkan guru dan pelajar.</p> <p>Kaedah : Mastery (penguasaan).</p> <p>ABM : Kertas mahjung dan kertas soalan.</p> <p>Nilai : Mematuhi arahan guru, bekerjasama, tekun dan tepat.</p> <p>KBKK : Menjana minda dan menguasai dengan memahami.</p>
<p>Penutup (3 minit)</p>	<p>Kesimpulan</p>	<p>Guru memberikan kuiz kepada pelajar.</p> <p>Guru merumuskan pelajaran yang telah diajar.</p>	<p>Pelajar menjawab kuiz.</p> <p>Pelajar mendengar refleksi guru dengan teliti.</p>	<p>Strategi : Berpusatkan guru dan pelajar.</p> <p>Kaedah : Penerangan dan soal jawab.</p> <p>ABM : Kertas soalan.</p> <p>Nilai : Patuh kepada arahan guru.</p> <p>KBKK : Memahami dan</p>



				mengingat pelajaran yang dipelajari.
--	--	--	--	--------------------------------------

**ULASAN PENSYARAH/GURU PEMBIMBING**

---



---



---

**REFLEKSI GURU**

---



---



---

**ii. Nota**

**FORMAT PE NYEDIAAN AKAUN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN.**

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2004**

2004		RM	2004		RM
Jan.1	Baki b/b	XXX	Dis 31	Hadiah	XXX
Dis 31	Yuran Ahli	XXX		Surat khabar dan majalah	XXX
	Yuran Masuk	XXX		Perabot	XXX
	Yuran Pertandingan	XXX		Kadar Bayaran	XXX
	Sewa Almari	XXX		Gaji Pekerja	XXX
	Derma	XXX		Belanja membaiki rumah kelab	XXX
	Jualan Meja Pingpong	XXX		Biasiswa	XXX
	Sewa Gelanggang	XXX		Alatan sukan	XXX
	Jualan Minuman	XXX		Cenderamata	XXX
				Baki h/b	
		<u>XXX</u>			<u>XXX</u>
Jan.1	Baki b/b	XXX			

**iii. Soalan-soalan dan jawapan**

**Soalan 1**

Butir-butir berikut diambil daripada buku Persatuan Pelita Bahasa sepanjang tahun 2003.

Baki pada 1 Januari 2003 **RM**  
Tunai di bank 14 650

<b>PENERIMAAN</b>	<b>RM</b>	<b>PEMBAYARAN</b>	<b>RM</b>
Yuran tahunan ahli	13 100	Kelengkapan	1000
Yuran masuk	3850	Surat khabar	420
Kutipan konsert	5200	Belanja konsert	3160
Derma	1980	Hadiah dan piala	440
Faedah atas simpanan	250	Kadar bayaran	1800
		Gaji pekerja	2200
		Belanja am	620
		Belanja membaiki rumah kelab	1410

Maklumat tambahan:

- a) yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan modal

**Dikehendaki:**

Menyediakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2003.

**Jawapan:**

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2004**

2004	RM	2004	RM
Jan.1 Baki b/b	14,650	Dis 31 Kelengkapan	1,000
Dis 31 Yuran Ahli	13,100	Surat khabar	420
Yuran Masuk	3,850	Belanja Konsert	3,160
Kutipan konsert	5,200	Hadiah dan piala	440
Derma	1,980	Kadar Bayaran	1,800
Faedah atas simpanan	250	Gaji Pekerja	2,200
		Belanja am	620
		Belanja membaiki rumah kelab	1,410
		Baki h/b	27,980
	<u>39,030</u>		<u>39,030</u>
Jan.1 Baki b/b	27,980		

## Soalan 2

Kelab Tenis Jet memiliki sebuah premis yang bernilai RM40 000 dan sebuah gelanggang tenis yang bernilai RM18 000. Kelab itu juga mempunyai sebuah kedai yang menjual peralatan tenis kepada ahli-ahlinya.

Maklumat yang berikut didapati daripada kelab tersebut:

- i) Baki tunai pada 1 Januari 2004 ialah RM1 826.
- ii) Penerimaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 terdiri daripada:

	RM
Yuran tahunan	5 800
Yuran masuk	320
Yuran pertandingan	280
Derma	104
Sewa lokar	150

- iii) Pembayaran bagi tempoh yang sama terdiri daripada:

	RM
Belanja pos dan alat tulis	180
Kadar bayaran	250
Upah dan gaji	840
Perabot	500

### Dikehendaki:

Menyediakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2004.

### Jawapan :

<b>Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2004</b>					
	2004	RM	2004	RM	
Jan. 1	Baki b/b	1,826	Dis 31	Belanja Pos	180
Dis 31	Yuran Ahli	5,800		Kadar Bayaran	250
	Yuran Masuk	320		Upah dan Gaji	840
	Yuran pertandingan	280		Perabot	500
	Derma	104			
	Sewa Lokar	150			
				Baki h/b	6,710
		<u>8,480</u>			<u>8,480</u>
Jan. 1	Baki b/b	6,710			

**Soalan 3**

1. Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi Kelab dan Persatuan menunjukkan.....
  - A. ringkasan perbelanjaan dan hasil bagi tempoh tertentu.
  - B. ringkasan penerimaan tunai dan pembayaran tunai bagi tempoh tertentu.**
  - C. ringkasan bagi urus niaga kredit.
  - D. Baki awal dan baki akhir tunai pada tarikh tertentu.
  
2. Sumber pendapatan yang utama bagi Kelab dan Persatuan ialah daripada.....
  - A. derma daripada ahli dan orang ramai.
  - B. yuran ahli.**
  - C. pinjaman daripada ahli.
  - D. jualan daripada aktiviti kelab.
  
3. Berikut merupakan penerimaan bagi sesuatu kelab kecuali.....
  - A. Yuran ahli
  - B. Derma
  - C. Kadar bayaran.**
  - D. Sewa lokar.

iv. Carta Alir



v. Peta Minda



6.4 Akaun Kelab Dan Persatuan - Akaun Pendapatan Dan Perbelanjaan

i. Rancangan Mengajar

Mata Pelajaran: Prinsip Perakaunan  
 Tarikh / Hari: 20 Oktober 2020  
 Tingkatan: 5  
 Masa: 15 minit  
 Tajuk: Akaun Kelab dan Persatuan - Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan  
 Objektif: Di akhir pengajaran, pelajar dapat:  
 a. Menyatakan cara menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berbentuk "T" dan penyata perbelanjaan.  
 b. Menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berbentuk "T" dan penyata perbelanjaan.  
 c. Menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berbentuk "T" dan penyata perbelanjaan (aras 3)

Pengetahuan sedia ada: Pelajar telah belajar:  
 a. perbezaan kelengkapan perniagaan  
 b. Akaun Yuran dan Akaun Penerimaan dan Pembayaran.

ABM: Menghimpun, sugar paper(peta konsep), nota edaran, teliti, dan bekerjasama.  
 Nilai murni: Berfikir, menjelaskan, memproses secara mental, menghormati, menjelaskan, memproses secara mental.  
 KBKK: Berfikir, menghubungkan.

AKAUN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN

Ringkasan Buku Tunai

Debitkan segala pendapatan modal dan pendapatan hasil

Berbaki debit pada akhir tempoh perakaunan.

Kreditkan segala belanja modal dan hasil

Langkah / masa	Isi kandungan	Aktiviti guru	Aktiviti pelajar	Strategi/kaedah/ ABM/nilai/KBKK
Set Induksi ( 5 minit )	Mengimbas kembali pelajaran lepas di dalam topik Akaun Kelab dan Persatuan.	Guru akan berbincang bersama-sama dengan pelajar tentang pembelajaran lepas dengan meminta beberapa orang pelajar menjawab soalan.	Pelajar bersedia untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan dengan mengingati kembali topik-topik lepas.	Strategi : berpusatkan guru dan pelajar Kaedah : perbincangan Nilai : Teliti, memberi perhatian KBKK : Berfikir, menghubungkait.
Langkah 1	Menerangkan	Guru akan	Pelajar akan	Strategi : berpusatkan guru

( 5 minit )	secara ringkas topik yang akan dipelajari pada hari tersebut.	menunjukkan peta konsep berkenaan isi-isi penting yang akan dipelajari pada hari tersebut.	mendengar dengan teliti dan menumpukan perhatian.	Kaedah : penjelasan ABM : sugar paper Nilai : Teliti, memberi perhatian KBKK : Mendengar, menghubungkan kait
Langkah 2 ( 5 minit )	Menerangkan penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bentuk “T” dan penyata.	Guru menunjukkan cara-cara penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.  Guru menunjukkan pula Bentuk akaun yang terdiri bentuk “T” dan penyata.	Pelajar akan memberi perhatian dan mendengar dengan teliti.	Strategi : berpusatkan guru Kaedah : penerangan, perbincangan ABM : Kertas mahjong Nilai : Sistematik, ketepatan KBKK : Teliti, memahami, menyenaraikan, mengelas
Langkah 3 (10minit )	Menunjukkan contoh ilustrasi soalan	Guru menunjukkan satu contoh ilustrasi soalan untuk kefahaman pelajar  Guru meminta pelajar menyediakan jawapannya sebelum membincangkan jawapan dengan pelajar.	Pelajar cuba memahami soalan dan mengenalpasti perbelanjaan dan pendapatan hasil dengan bantuan guru.  Pelajar membincangkan jawapan bersama guru.	Strategi : berpusatkan guru dan pelajar Kaedah : penjelasan, klasifikasi ABM : kertas mahjong Nilai : Rajin, ketepatan KBKK : Menjana idea, menyelesaikan masalah, mengelas, teliti
Langkah 4 (10 minit)	Latihan kumpulan	Guru akan mengedarkan satu soalan untuk dijawab bersama pasangan. Guru meminta pelajar menyediakan jawapan dalam tempoh yang ditetapkan.  Guru akan meminta beberapa pelajar ke hadapan menulis jawapan di papan tulis.  Guru akan mengulas dan menerangkan	Pelajar berbincang bersama-sama menyelesaikan masalah yang diberikan.  Beberapa pelajar akan diminta ke hadapan menulis jawapan di papan tulis manakala yang lain menyemak samada jawapan tersebut sama dengan jawapan mereka.  Pelajar akan mendengar penerangan guru	Strategi : berpusatkan pelajar dan bahan Kaedah : perbincangan, soal jawab ABM : Kertas mahjong, contoh soalan latihan Nilai : Rajin, jujur, ketepatan, kerjasama KBKK : Menjana idea, menyelesaikan masalah, perbincangan, mengelas

		jawapan.(jawapan di lampiran 6)	mengenai jawapan soalan tersebut.	
Penutup ( 5 minit )	Membuat rumusan terhadap topik hari tersebut.	Guru akan merumuskan pelajaran pada hari tersebut.  Guru akan mengedarkan nota dan latihan tambahan sebagai kerja rumah.	Pelajar mendengar dan mengingat kembali topik pada hari tersebut.	Strategi : berpusatkan guru Kaedah : merumus ABM : nota edaran, latihan tambahan Nilai : Memberi perhatian, peka KBKK : teliti, memberi perhatian



## ULASAN PENSYARAH/GURU PEMBIMBING

---

---

---

---

## REFLEKSI GURU

---

---

---

---

### ii. Nota

#### Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

1. Akaun Untung Rugi tidak disediakan kerana tujuan penubuhan kelab dan persatuan bukanlah untuk menjalankan perniagaan. Bagaimanapun, penerimaan dan perbelanjaan hasil masih berlaku, maka Akaun Pendapatan dan perbelanjaan disediakan.
2. Cara menyediakan Akaun Pendapatan dan perbelanjaan adalah sama dengan cara menyediakan Akaun Untung Rugi. Semua perbelanjaan bagi tahun yang berkenaan akan didebitkan manakala semua pendapatan dikreditkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.
3. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan disediakan untuk mengira lebihan pendapatan/perbelanjaan.
4. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan juga dikenali sebagai Akaun Hasil dan Belanja.
5. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berfungsi seperti Akaun Untung Rugi entiti perniagaan kerana :
  - Merupakan satu akaun hasil yang merekodkan Pendapatan dan Perbelanjaan.
  - Merekodkan butir-butir perbelanjaan dan pendapatan jenis hasil sahaja.
  - Pendapatan dan Perbelanjaan hasil yang tercatat di dalamnya mungkin melibatkan pelarasan seperti yuran tertunggak dan belanja air terdahulu.
  - Menunjukkan lebihan pendapatan jika pendapatan melebihi perbelanjaan (serupa dengan perolehan untung dalam entiti perniagaan).
  - Menunjukkan kurangan atau lebihan perbelanjaan sekiranya perbelanjaan melebihi pendapatan (serupa dengan rugi dalam entiti perniagaan).

Format akaun pendapatan dan perbelanjaan bentuk “T”

<b>Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003</b>			
<b>( Belanja Hasil )</b>		<b>( Pendapatan Hasil )</b>	
Dobi	xx	Yuran ahli	xx
Hadiah dan piala	xx	Yuran masuk	xx
Alat Tulis	xx	Yuran pertandingan	xx
Sewa Bangunan	xx	Sewa bilik	xx
Bayaran Kehormat	xx	Sewa alatan	xx
Pemeliharaan bangunan	xx	Jualan barang niaga	xx
<b>Lebihan pendapatan</b>	xx	Kutipan pesta*	xx
		<b>Lebihan perbelanjaan</b>	xx
	<hr/> <hr/> RM xxx		<hr/> <hr/> RM xxx

\* Butir tercatat sebagai pendapatan hasil dengan anggapan penerimaannya tidak mempunyai tetapi tidak semata-mata untuk mengisikan tabung kelab atau persatuan."tujuan khas"

**Format Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bentuk penyata**

<b>Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003</b>		
<b>Pendapatan Hasil</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran ahli		XX
Yuran masuk		XX
Sewa bilik		XX
Sewa alatan		XX
Jualan barang niaga		XX
Kutipan pesta*		XX
		XXX
<b>Tolak : Belanja Hasil</b>		
Dobi	XX	
Alat Tulis	XX	
Sewa Bangunan	XX	
Hadiah dan Piala	XX	
Bayaran Kehormat	XX	
